

NEW CALEDONIA CAKERAWALA MELANESIA



Pada 2 Disember 2019, pagi yang jernih walaupun Sydney berjerebu, kami mengangkut beg ke Pelabuhan Penumpang Antarabangsa. Dari jauh sudah kelihatan kapal yang diberikan nama *Radiance of the Sea*. Kapal itu tersergam seperti seekor gergasi besi yang tinggi – setinggi 13 tingkat – putih dan utuh, ditambat di tepi bagan. Pada musim cuti di Australia ini, semua bilik di kapal sudah ditempah, dan pada pagi ini naik 2400 orang penumpang, seperti sebuah sekolah jumlahnya. Sedikit menakutkan saya kerana saya cuba lari daripada keriuhan lalu lintas yang sudah terlupakan adab dan hormat terhadap orang lain. Hal ini merupakan suatu kumpulan yang besar dan memerlukan awak kapal serta pegawai imigresen yang tidak kecil pula.

Penumpangnya berasal daripada puluhan bangsa dan negara. Yang paling ramai ialah Australia. Selain itu, ada juga dari Arab, Amerika Syarikat, Argentina, Brazil, Chile, China, Korea, Jepun, England, India, Kanada, Jerman, New Zealand, Perancis, dan Rusia. Hanya kami berdua dari Malaysia, maka saya harus membereskan bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris saya. Para pekerja dan awak kapal sedang menunggu untuk mengambil barang kami, menyemak apa-apa yang akan dibawa ke kabin dan juga memberikan kad pengenalan untuk memudahkan perjalanan. Mereka ini pun terdiri daripada berbagai-bagai bangsa, yang paling hadir ialah dari India, Indonesia, Filipina dan China.

Oleh sebab pengalaman sudah yang cukup banyak, maka kami sudah berada dalam kapal 15 minit sebelum bergerak dan terus masuk ke kabin. Namun begitu, seperti biasa ada yang terlupa – saya terlupa membawa plag untuk telefon, komputer dan kamera. Harga kelupaan ini sangat mahal di kapal yang sangat pandai menjual barangan yang diperlukan dengan harga yang tidak dapat diterima akal. Harga sambungan Internet ialah \$A19.99, iaitu RM75 sehari! Itu bersamaan sewaan kegunaan Internet separuh bulan di Malaysia! Sekarang saya mula merasakan bahawa saya sedang menaiki kapal penjual orang.

Saya sempat juga menelefon anak yang akhirnya membawa plag tersebut ke pelabuhan. Walau bagaimanapun, dia tidak dibenarkan naik dan saya tidak dibenarkan turun. Syukurlah ada seorang perantara – mungkin pekerja kapal – yang membawanya ke Pusat Pelanggan dan saya dapat mengembalikannya di sana. Maka


itu, saya pun bertenaga kembali; komputer, kamera dan juga telefon akan hidup apabila kapal belayar.

Sementara itu, saya sudah lama tidak pandai mengambil cuti tanpa diheret oleh pekerjaan yang belum siap atau ingin disiapkan sewaktu dalam perjalanan. Tiada cuti pada kerjaya seorang pengarang. Dia harus mengalami hidup sepenuhnya dan menurunkan hidup itu dalam karyanya. Jadi, saya hanya bercuti separuh masa sementara menjadi pengarang sepenuh masa!

Kami pun masuk ke bilik 3536, dek 3, di atas permukaan air – seperti saya minta – supaya dapat bersahabat dengan laut dan memantau perasaannya. Laut lebih jinak dari tingkap bilik dan lebih membenarkan kita memerhatikannya. Maka itu, saya pun menyimpan barang dan terus ke tingkap untuk memerhatikan air yang cukup tenang. Di bawah, penumpang masih menaiki kapal. Bilik kami cukup luas, seluas sebuah bilik hotel yang lengkap dengan katil, meja tulis dan kerusi, televisyen, sambungan elektrik, bilik air, tingkap bulat yang besar, pemasak air panas, dan sebagainya.

Akhirnya sauh pun diangkat dan enjin pun menderum. Air berkocak dan berbuih. Kapal mencari lorong untuk ke utara. Di seberangnya ialah Sydney Opera House dan di atasnya ialah Jambatan Pelabuhan Sydney. Kawasan ini terdiri daripada rumah-rumah yang juga memilih untuk memerhatikan air dan laluan teluk. Malah, setelah kapal belayar, kami saksikan beberapa pulau lain yang terpilih sebagai penempatan orang yang berada. Rumah-rumah yang cantik yang terkarang di tepi bukit dan pantai.

Teluk Sydney ini cukup berliku dan berjari-jari. Jadi sewaktu keluar mencari lautan kami perlu melaluinya. Nampaknya keindahan itu hak milik orang kaya! Yang kurang kaya,



Berlatarbelakangkan pemandangan di Teluk Sydney.

terselindung di balik bukit atau lembah berasak-asakan dengan manusia. Kapal menuju arah utara dan masih melalui beberapa pulau atau beting kecil, sebahagiannya sama memberi tapak untuk rumah dan apartmen.

Saya memantau apa-apa yang akan menjadi hak saya selama 9 hari di atas kapal ini. Kapal ini mempunyai lima buah dewan makan – daripada yang santai kepada yang memerlukan kita memakai pakaian yang lebih formal – itu pun boleh bertolak ansur pada zaman yang sudah biasa dengan melonggarkan peraturan. Ada beberapa restoran minuman dan empat kolam renang kecil dan besar.

Di dek atas sekali ialah padang golf miniatur, tembok panjat batu (*rock climbing*), luncuran air, lorong jogging dan gimnasium yang cukup lengkap dengan alatan yang biasa terdapat di daratan. Di tingkat lima dan enam ialah panggung terbesarnya, dan di bawahnya ruang muzik serta sebuah pusat perniagaan dan perpustakaan. Di sampingnya ialah kasino yang jarang dilupakan kapal *cruise* kerana keuntungan besar yang dapat diraih daripada penumpangnya. Ada juga sebuah spa dan pusat persolekan, serta ruang tari-menari. Banyak sekali kemudahannya – kita hanya perlu memilih tempat yang sesuai pada sesuatu masa atau hari tertentu – dan dapat pula berpindah mencuba tempat lainnya.


Setiap hari diadakan pertunjukan dan permainan yang berbagai-bagai sesuai dengan usia penumpangnya. Ada sudoku, permainan kartu, skrabel dan bola keranjang. Banyak sekali permainannya supaya pelanggan tidak berasa bosan. Akhirnya kami tiba di laut lepas. Angin tidak terlalu kencang dan kami dapat berdiri di dek teratas untuk melihat laut membentangkan dirinya sampai ke kaki langit.

Perjalanan ke Noumea ini akan mengambil lebih daripada dua hari dan dua malam, tanpa berhenti di mana-mana. Kami akan menuju ke timur laut di samping NSW dan Queensland dan berbelok tajam ke timur. Destinasi pertamanya ialah Pulau Noumea di negara pulau New Caledonia.

Sejarah yang Menjarah

Aneh sekali, walaupun berada di tengah lautan yang sangat jauh dari Eropah dan Amerika, terdapat banyak orang berkulit putih. Lebih aneh lagi, merekalah yang memiliki tanah luas di Australia, malah di New Caledonia ini. Apakah yang mereka cari di sini? Kuasa terhadap bangsa-bangsa lainnya? Kekayaan yang tidak mereka peroleh di England dan Perancis? Dan bagaimana pula mereka sampai ke sini, di pulau-pulau yang terletak lebih 15 ribu KM dari negara mereka?

Pada tahun 1874, Kapten Cook, seorang pelayar Inggeris, mendarat di pantai Noumea yang indah. Dengan membawa hadiah anjing, kucing dan babi, inilah cara untuk mendekati dan bersahabat dengan raja dan bangsawan di sana. Setelah




Ahli keluarga bergambar di Jambatan Pelabuhan Sydney.

itu, Cook belayar ke pulau-pulau lainnya pula, termasuk Vanuatu dan Loyalty. Bersamanya, Cook juga bermurah hati membawa penyakit Eropah, iaitu siflis dan cholera. Lebih 1/3 daripada penduduk asli kepulauan ini mati dalam wabak penyakit baharu ini kerana jasad mereka tidak mempunyai antibodi untuk melawannya.


Setelah Cook dan awak-awak kapalnya, datang pula sekumpulan paderi – yang dikira penduduk akan membawa wabak yang sama – maka mereka pun dibunuh oleh penduduk asli di sini. Beberapa orang terselamat dan mereka pun memujuk penduduk pulau untuk memasuki agama baharu yang mereka bawa dari Eropah. Seterusnya, mereka diajar untuk meninggalkan beberapa kebiasaan, kepercayaan dan adat, sesuatu yang agak susah untuk dilaksanakan oleh penduduk pulau ini yang sudah 5000 tahun tiba dan hidup di sini.

Sebagai misalnya, wanita di sini tidak memakai pakaian yang menutup dada dan inilah antara perkara yang paling mengganggu paderi-paderi itu. Maka itu, mereka memperkenalkan pakaian labuh sampai ke buku lali, yang dikenali sebagai *mumu* di Hawaii. Fesyen yang diperkenalkan hampir sama dan kelihatannya lebih sesuai dengan wanita Inggeris yang hidup dalam cuaca dan musim yang selalu sejuk dan berhujan. Walau bagaimanapun, di New Caledonia cuacanya panas dan terang.

Namun begitu, itulah peraturan agama baharu ini. Kini, ramai wanita tempatan merungut kerana mereka sendiri harus berpakaian penuh dan labuh, tetapi



Peta perjalanan kapal *Radianca of the Sea*.



Pulau di utara Sydney.



Pakaian *mumu* yang diciptakan untuk wanita Polinesia.



Gereja Katolik terawal di Noumea.

pelancong dari Australia dan Inggeris, iaitu negara paderi itu sendiri, berjalan atau berpanas di pantai dengan hanya secebis kecil bikini untuk pinggul dan dada mereka. Mereka juga beragama Kristian! Di pulau-pulau ini ada juga semacam perlumbaan untuk mengkristiankan penduduk asli, sehingga akhirnya terdapat empat mazhab semuanya. Itulah yang diwarisi kini, setiap mazhab membina beberapa buah gereja daripada batu dan simen yang kukuh dan tahan zaman.

Nama negara kepulauan yang akhirnya dikuasai Cook dan Inggeris dinamakan New Caledonia. Hal ini kerana dalam bahasa Latin Scotland, negeri ibunda Cook, ialah Caledonia. Hah, walaupun mereka menjadi penyebab kematian ribuan manusia tempatan, mereka masih berhak menamakan negeri baharu menurut negeri asal ibu kaptennya! Sejarah tidak pernah adil. Pembunuh selalu menjadi raja.

Tetapi, untuk berlaku adil kepada pelayar-pelayar ini, bukan Cook dan orang-orang Inggeris saja yang membawa wabak sebegini, tetapi hampir semua pengembara Eropah yang datang dalam pelayaran awal ke Polinesia membawanya dan membunuh ribuan penduduknya, antaranya termasuklah juga di New Zealand, Tahiti dan Samoa. Selepas Inggeris, datang pula askar Perancis yang melanggar pulau-pulau ini dan menjadikannya hak milik mereka. Maka itu, Noumea pun diperanciskan dan dikatolikkan. Bahasa Perancis dijadikan sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini disebabkan oleh terdapat 83 suku di 100 buah pulau di gugusan ini dan mereka tidak dapat saling berhubung atau saling memahami apabila bertemu atau ingin berkata-kata.

Kini, bahasa Perancis dan Inggeris menjadi bahasa kebangsaannya dan terdapat pula sekolah yang berbahasa Perancis dan yang berbahasa Inggeris. Yang sangat menyedihkannya, tiada bahasa tempatan yang diajar sama sekali. Apabila saya bertanyakan seorang tetua di sini, kata beliau, "Apabila kami merdeka sepenuhnya kami akan mengaturkan peralihan ke bahasa tempatan. Dan ini masih memerlukan berpuluh-puluh tahun yang akan datang. Malangnya ada pula penduduk yang tidak mahu berpisah dari Perancis, maka peralihan ini pun akan menjadi lebih sulit."

Di New Caledonia, terdapat 40 peratus penduduk asli dan 30 peratus pendatang Eropah. Selebihnya, terdiri daripada bangsa-bangsa Asia lainnya, seperti China, Filipina dan Indonesia. Di samping orang Eropah, orang Chinalah yang banyak berniaga dan mendapat manfaat daripada pelancongan yang sedang berkembang ini.